

Berita Harian

ISNIN, 15 JUN 2015 (28 SYAABAN 1436)

SPH Sebuah penerbitan SPH - kumpulan media yang diyakini

Alfian tebus maruah silat

Team Singapore
raih lebih
80 emas

► HAKIM YUSOF
hakimy@sph.com.sg

MUHAMMAD Nur Alfian Juma'en menebus maruah pasukan silat negara apabila beliau muncul sebagai satu-satunya pendekar negara yang memenangi pingat emas di Sukan SEA kali ini.

Selepas melihat rakan-rakannya termasuk juara dunia, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, tumbang di peringkat separuh akhir kelmarin, Alfian memikul harapan besar sebagai satu-satunya finalis Singapura di hari penentuan silat yang berlangsung di Dewan 2 Singapore Expo semalam.

Jaguh muda berusia 18 tahun itu tidak mengecewakan apabila mempamerkan prestasi cemerlang semasa menewaskan pencabarnya dari Vietnam, Tran Dinh Nam, dengan keputusan 5-0 dalam final Kelas F (70-75kg).

Lebih manis lagi, kemenangan itu membalas 'dendam' lama selepas Alfian kecundang di tangan juara dunia itu semasa bertempur di suku akhir Kejohanan Pencak Silat Dunia yang berlangsung awal tahun ini.

"Perasaan gembira saya tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata. Saya sangat-sangat bersyukur perjuangan dan pengorbanan selama ini berakhir dengan kejayaan," ujar sang juara itu selepas kejayaannya.



PENDEKAR EMAS: Muhammad Nur Alfian Juma'en mempertahankan pingat emas yang dimenangi di temasya Sukan SEA dua tahun lalu di Myanmar dengan kejayaannya di final yang berlangsung di Singapore Expo semalam. - Foto TUKIMAN WARJI

Kegembiraannya itu turut dikongsi sama Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheikh Alau'ddin Yacoob Marican, yang berkata:

"Alfian telah menunjukkan prestasi yang cemerlang. Beliau memanfaatkan pengalaman lalu untuk menewaskan pesaingnya itu kali ini.

"Saya bersyukur dan gembira melihat sukan ini turut menyumbangkan pingat emas kepada Team Singapore."

Sementara itu floorball, yang julung-julung kali diperkenalkan sebagai acara

yang menawarkan pingat di temasya dwitahunan ini, juga tidak mengecewakan apabila kedua pasukan lelaki dan wanita menjuarai acara masing-masing semalam.

Ratu bowling negara, Jazreel Tan, juga menang emas melalui acara 'step-ladder', manakala kapal layar, yang secara tradisi menjadi 'lombong emas' Team Singapore di temasya sukan ini, menyumbangkan tiga emas semalam.

Laporan lanjut Sukan SEA - Muka 14-16

